

Qalam

KDN 1275

177 Dhu al-Hijjah 1384, April 1965, 60 sen

Selamat Hari Raya Korban

Allāhu Akbar, Allāhu Akbar, Allāhu Akbar. Wa li 'Llāhi al-ḥamd!

Di dalam keluaran ini, kita bersama-sama menyambut

Aidil Adha, Hari Raya Korban, hari raya yang

menghidupkan semangat berkorban umat Islam untuk

patuh dan bertakwa kepada agama Allah *Subḥānahu wa Ta 'ālā*.

Di dalam masa bergema takbir dan tahmid dari seluruh

umat Islam di luar daripada Tanah Haram menyertai *talbiyyah* kaum

Muslimin yang menyempurnakan seruan Tuhan dengan kata-katanya

“*Labbayka Allāhumma labbayk, labbayka lā sharīka laka labbayk, inna*

al-ḥamda wa al-ni 'mata lak, lā sharīka lak” iaitu seruan-seruan

bagaimana seorang hamba datang menunaikan seruan Tuhannya

hadir kepada-Nya menunaikan kewajipan-kewajipan yang diwajibkan

ke atasnya dengan berserah dan memperhambakan diri semata-mata

untuk-Nya.

Allāhu Akbar! Dengan sempena hari yang mulia ini

kita mengucapkan selamat hari raya kepada kaum

Muslimin, khususnya kepada pembaca-pembaca Qalam. Marilah pada

hari pengorbanan ini kita melihat bagaimana darah-darah memancar

daripada leher-leher binatang yang dikorbankan untuk menabahkan

hati kita melihat peristiwa-peristiwa yang ngeri dan dahsyat

bagi gambaran bagaimana darah keluar dari sesuatu

tubuh untuk diabadikan mengikut perintah Allah.

Allāhu Akbar! Di dalam masa melihat darah itu memancar

hendaklah kita ingat dan memikirkan bahawa kita dijadikan

dari seketul darah, darah yang hidup dan

berpusing-pusing, lama-lama akan ditalikan dengan roh yang menguatkan

jiwa. Kita pada saat itu hendaklah kita ingat

bahawa untuk menambah darah yang seketul tadi hendaklah

daripada barang-barang yang bersih pada zatnya, asalnya dan pada

sifatnya supaya ia membersihkan pula kepada roh

bertali dengannya dan akan mencucikan jiwa kita pada

masa-masa yang kemudiannya.

Allāhu Akbar! Semoga dengan hari raya yang mulia

ini dapatlah kita menjauhkan segala kekejian daripada

tubuh kita, daripada darah kita dengan mengisikan barang

yang suci pada asalnya dan mudah-mudahan Tuhan memberi

limpah rahmat kepada kita.

Allāhu Akbar! Allāhu Akbar! Allāhu Akbar wa li 'Llāhi al-ḥamd!

* * *

Buruh Hendaklah Dikawal

Baru-baru ini kerajaan pusat telah mengumumkan

bahawa pegawai-pegawai kerajaan di dalam semua bahagian

diharamkan daripada melakukan perbuatan “bekerja mengikut

peraturan” dan “bekerja perlahan-lahan”. Dua

jenis “senjata” ini telah dilakukan oleh pihak

buruh, sama ada buruh kasar atau halus, untuk

menuntut kenaikan gaji dan lain-lainnya dengan didasarkan

konon-kononnya oleh kerajaan yang berdasarkan demokranik¹.

Di dalam bahagian-bahagian pekerjaan banyak mengenai

hubungannya dengan maslahat-maslahat umum dan dengan sebab itu

maka orang-orang yang terlibat di dalam maslahat umum itu

jika melambatkan kerja-kerjanya dengan sengaja tentulah menyakiti

dan mencederakan maslahat-maslahat umum (rakyat jelata)

¹ Perkataan sebenar ialah demokratik.